

31 JUL 1999

Mahathir-Wakil

JANGAN SALAHKAN BN JIKA WAKIL INDIA GAGAL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mengingatkan masyarakat India bahawa mereka mungkin akan kehilangan wakil dalam kerajaan jika ada dari kalangan mereka yang sengaja mencari isu untuk dibesar-besarkan semata-mata bagi menggugat kewibawaan MIC.

Jika ini berlaku, "janganlah salahkan Barisan Nasional (BN) dan kaum-kaum lain," katanya.

Semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-53 di sini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN, meminta kalangan tertentu dari masyarakat India supaya jangan sengaja membesar-besarkan sesuatu isu sehingga ia boleh menjejaskan kewibawaan MIC.

"Jika calon MIC kalah, mungkin kerajaan tidak akan mempunyai anggota kerajaan daripada kaum India," kata beliau pada majlis yang turut dihadiri timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Walaupun Dr Mahathir tidak menamakan isu-isu berkenaan, tetapi dipercayai antaranya adalah isu pembubaran Kumpulan Wang Buruh India Selatan dan taraf kehidupan pekerja ladang, termasuk soal gaji bulanan mereka.

Dr Mahathir pernah berkata bahawa isu pembubaran kumpulan wang itu sengaja digembar-gemburkan oleh pihak tertentu hanya untuk menghentam kepimpinan MIC.

Perdana Menteri meminta para pemimpin dan anggota MIC supaya memahami cara kerajaan BN menangani masalah sesuatu kaum jika ianya timbul.

"Segala usaha dan program kerajaan dijuruskan ke arah keadilan sosial, ekonomi dan politik dengan mengambil kira kepentingan semua kaum," kata beliau.

Dr Mahathir berkata MIC telah melakukan pelbagai usaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat India ke taraf yang lebih tinggi dan memuaskan.

Beliau turut memuji Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu kerana kepimpinannya yang cemerlang dalam menerajui MIC dan mengukuhkan perpaduan para anggotanya.

Dr Mahathir berkata Samy Vellu "bukanlah seorang ahli politik yang mudah ditandingi. Beliau berani, vokal dan tidak segan-silu menyatakan pendapatnya yang biasanya secara berterus-terang walaupun ia kadangkala agak kontroversial."

Perdana Menteri berkata oleh kerana MIC benar-benar mewakili masyarakat India, banyak kehendak dan permintaan mereka yang disalurkan melalui parti itu telah mendapat perhatian kerajaan dan dilaksanakan.

Malahan, kata beliau, kerajaan BN telah menjalankan pelbagai program sosio ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India dan ternyata ia berjaya.

"Ini kerana walaupun MIC mempunyai hanya seorang menteri (Menteri Kerja Raya) dalam kabinet, tetapi Datuk Seri Samy Vellu tetap memperdengarkan suaranya membela nasib keturunan India dalam tiap-tiap mesyuarat kabinet," kata beliau.

Selain itu, Samy Vellu akan berjumpa beliau selepas setiap mesyuarat Kabinet untuk berbincang lebih lanjut berkenaan masalah kaum India.

-- BERNAMA

ES RON